

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 1 Jun, 2015 (A)

Patuhi had tempoh 9 tahun

» Syarikat ada cukup masa rancang pelan penggantian pengarah bebas



RITA BENOY
BUSHON

Kami menerima beberapa pertanyaan daripada pemegang berkepentingan, termasuk pemegang saham, pengarah syarikat dan wartawan mengenai had tempoh sembilan tahun bagi pengarah bebas bukan eksekutif.

Isu ini memang menjadi to-

pik hangat yang diperdebatkan secara meluas di dalam arena tadbir urus korporat.

Seperti ramai sedia maklum, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Kod) mengesyorkan had tempoh sembilan tahun bagi pengarah bebas dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia yang membuat rujukan kepada syor itu di mana syarikat tersenarai perlu mematuhi keperluan itu.

Tukar status pengarah

Sekiranya pengarah terbabit masih diperlukan, syarikat boleh menukar status pengarah daripada pengarah bebas kepada pengarah bukan bebas dan bukan eksekutif.

Syor 3.3 di bawah kod ini juga memberi ruang untuk mengekalkan status pengarah bebas itu dalam keadaan yang terdesak sahaja dengan memberi justifikasi kukuh.

Selain itu, kelulusan daripada pemegang saham juga perlu diperoleh pada mesyuarat agung tahunan.

Dalam tempoh tiga tahun lalu, sejak kod ini diperkenalkan pada Jun 2012, kami membuat pemerhatian perkara di

bawah berikut diamalkan;

- Had tempoh pengarah bebas melebihi sembilan tahun, ada antara mereka yang melebihi 15 tahun;
- Pengarah bebas dilantik semula melebihi had tempoh itu tanpa justifikasi kukuh;
- Tiada resolusi dicadangkan bagi pelantikan semula;
- Beberapa pengarah bebas yang melebihi had tempoh sembilan tahun dan serentak dicadangkan untuk dilantik semula.

Sebagai makluman, tempoh sembilan tahun diguna pakai sebagai pengukur yang disyorkan bagi had tempoh pengarah bebas di Singapura, Afrika Selatan, Hong Kong dan United Kingdom.

Perancis menggubal undang-undang supaya tempoh 12 tahun dihadkan bagi pengarah bebas di mana mereka tidak lagi layak berkhidmat sebagai pengarah bebas selepas tempoh itu.

Sepanyol juga menggunakan pa- kai had tempoh 12 tahun bagi pengarah bebas. Bagaimana-pun, proses mengekalkan pengarah bebas melebihi had tempoh berbeza dari satu ne-

gara ke negara yang lain.

Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN yang digunakan oleh enam negara ASEAN mengesyorkan sembilan tahun sebagai had tempoh yang optimal bagi pengarah bebas dan ini dimasukkan ke dalam parameter penilaian.

Kod ini mula berkuat kuasa sejak Jun 2012 dan berdasarkan penilaian kami pada tahun 2014, tempoh purata bagi pengarah bebas adalah selama 7.2 tahun.

Sepatutnya syarikat sudah pun mempunyai masa mencukupi merancang pelan penggantian bagi pengarah bebas yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang panjang.

Kami berharap syarikat tersenarai awam akan mengambil pemerhatian isu yang diketengahkan serta melaksanakan pelan penggantian yang teratur bagi pengarah dan juga pihak pengurusan kanan syarikat.



ialah Ketua Pegawai Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG).